

KEDUDUKAN ANAK TAK SAH TARAF: DARI ASPEK PERUNDANGAN

OLEH:

ABAS BIN NORDIN

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Kandungan



- Muqaddimah
- Definisi anak tak sah taraf
- Pensabitan nasab
- Peruntukan undang-undang
- Kes-kes berkaitan nasab
- Implikasi anak tak sah taraf menurut undang-undang dan hukum syarak
- Kesimpulan/penutup

Muqaddimah

- Penggubalan undang-undang keluarga Islam (UUKI) Negeri-negeri di Malaysia bertujuan memelihara kesucian institusi perkahwinan dan keluarga umat Islam di Negara ini
- Sebagai contoh:-
 - Prosedur berkahwin
 - Prosedur berpoligami
 - Pendaftaran perkahwinan dalam dan luar Negara
 - Penalti bagi yang melanggar peruntukan berkenaan

Definisi anak tak sah taraf

- **AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984 [AKTA 303]**

Seksyen 2. Tafsiran

- “tidak sah taraf”, berhubung dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah

Pensabitan nasab



- Dalam Islam, terdapat tiga kaedah utama untuk menentukan nasab, iaitu:
 - i) Firasy (perkahwinan)
 - ii) Keterangan Saksi
 - iii) Ikrar

Perkahwinan

□ Nas:

الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ

Maksudnya:

“Anak itu bagi siapa yang menggauli ibunya
(dalam nikah yang sah).”

Iqrar



□ Nasab Melalui Iqrar

- pengakuan seorang laki-laki secara suka rela terhadap seorang anak bahwa ia mempunyai hubungan darah dengan anak tersebut, baik anak tersebut berstatus di luar nikah atau anak tersebut tidak diketahui asal usulnya
- Syarat pengakuan nasab (s.114 Akta 303)



- **Pengakuan ke atas diri sendiri**

bapa mengakui anak, ataupun anak mengakui bapa, seperti ia berkata, “ini adalah anak saya”, atau “ini adalah ibu saya”, atau “ini adalah bapa saya”. Pengakuan ini sah dibuat walaupun ia sedang sakit tenat yang membawa mati dengan empat syarat yang akan datang yang disepakati oleh kebanyakan fuqaha di kalangan mazhab-mazhab

Syarat pengakuan diri sendiri

- Orang yang diakui tidak diketahui nasab
- Pengakuan dirasakan benar dari segi pandangan dan realiti dengan orang yang diakui anak itu dan kemungkinan ketetapan pertalian nasab dengan orang yang membuat pengakuan
- Anak yang diakui itu membenarkan pengakuan, seandainya ia mempunyai keahlian untuk membuat demikian
- Pengakuan tidak boleh menetapkan nasab dengan orang lain, ada benar ataupun bohong karena pengakuan manusia adalah hujah ke atas diri orang yang membuat pengakuan saja, bukan hujah keatas orang lain,

...Sambungan...

- *Ikrar* batal jika orang yang membuat pengakuan itu berkata secara terang dalam ikrarnya bahawa anak yang dia akui itu adalah anaknya dari zina.
- apabila orang yang membuat pengakuan *nasab* ialah seorang isteri ataupun perempuan yang sedang berada dalam iddah, maka disyaratkan juga suaminya turut setuju mengaku anak yang diakui oleh isterinya itu adalah anaknya juga

Pengakuan terhadap orang lain

- Contohnya seseorang berikrar katanya, “ini adalah saudara saya”, “ini adalah bapa saudara saya”, “ini adalah datuk saya”, atau “ini adalah anak saudara saya” Pengakuan itu adalah sah dengan syarat-syarat di atas serta satu syarat tambahan, yaitu pembenaran orang lain.

Keterangan saksi

- Jenis penyaksian yang boleh menentukan nasab ialah dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki dan dua wanita menurut pendapat Abu Hanifah dan Muhammad. Bagi mazhab Maliki, ianya boleh disaksikan oleh dua orang lelaki sahaja. Manakala ulama' Shafie, Hanbali dan Abu Yusuf ianya disaksikan oleh semua ahli waris.

...Sambungan...

- harus menentukan nasab dengan kesaksian melalui pendengaran sama seperti dalam masalah perkahwinan, kelahiran atau kematian. Para ulama' berselisih pendapat tentang maksud pendengaran, namun pendapat yang lebih rajih dalam Mazhab Shafie dan lebih sahih dalam mazhab Hanbali, syarat saksi melalui pendengaran ialah mendengar daripada satu kumpulan ramai yang tidak mungkin mereka membuat pakatan berbohong sehingga khabar itu menjadi suatu keyakinan atau hampir yakin

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- **Seksyen 110. Siapakah yang dikaitkan sebagai bapa [Akta 303]**
 - Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.

...Sambungan...

- **Seksyen 111. Kelahiran lebih empat tahun selepas pembubaran perkahwinan [Akta 303]**
 - Jika anak itu dilahirkan lebih daripada empat tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, lelaki itu tidak boleh disifatkan sebagai bapa anak itu melainkan jika lelaki itu atau mana-mana warisnya menegaskan bahawa anak itu adalah anak lelaki itu

...Sambungan...

- **Seksyen 112. Kelahiran selepas pengakuan bahawa ‘iddah telah tamat [Akta 303]**
 - Jika seorang perempuan, yang tidak berkahwin semula, membuat satu pengakuan bahawa tempoh ‘iddahnya telah tamat sama ada ‘iddah itu adalah oleh sebab kematian atau perceraian dan perempuan itu kemudiannya melahirkan seorang anak, maka suami perempuan itu tidak boleh disifatkan sebagai bapa anak itu melainkan jika anak itu telah dilahirkan kurang daripada empat tahun qamariah dari tarikh perkahwinan itu dibubarkan oleh sebab kematian suaminya itu atau oleh sebab perceraian

...Sambungan...

□ Seksyen 113. Persetubuhan syubhah

[Akta 303)

- Jika seorang lelaki melakukan persetubuhan syubhah dengan seorang perempuan dan kemudiannya perempuan itu melahirkan seorang anak dalam tempoh antara enam bulan qamariah hingga empat tahun qamariah selepas persetubuhan itu, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu

...Sambungan...

- **Seksyen 114. Syarat-syarat bagi pengakuteraan yang sah [Akta 303]**
 - Jika seseorang lelaki mengaku seorang lain, sama ada dengan nyata atau dengan tersirat, sebagai anaknya yang sah, lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi, iaitu—
 - (a) tiada seseorang lain disifatkan sebagai bapa anak itu;
 - (b) perbezaan antara umur lelaki itu dengan umur anak itu memunasabahkan pertalian antara mereka sebagai bapa dan anak;
 - (c) jika anak itu telah akil baligh, di mana dia boleh membuat keputusan, anak itu telah mempersetujui tentang dia diakui sebagai anak;

...Sambungan...

- (d) lelaki dan ibu anak itu mungkin boleh disatukan dengan sah dalam perkahwinan pada masa pembenihan;
- (e) pengakuteraan itu bukannya semata-mata mengakui anak itu sebagai anaknya, tetapi mengakui anak itu sebagai anak sah tarafnya;
- (f) lelaki itu adalah berkeupayaan membuat kontrak;
- (g) pengakuteraan itu dibuat dengan tujuan semata-mata untuk memberi taraf kesahatarafan;
- (h) pengakuteraan itu adalah jelas maksudnya dan anak itu adalah diakui sebagai anak kandungnya.

...Sambungan...

- **Seksyen 80. Kewajipan menanggung nafkah anak-anak tidak sah taraf [Akta 303]**
 - (1) Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tidak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.

Kes-kes berkaitan Nasab

- **kes *Wan Azmi Iwn Nik Salwani* [1990] 9 JH (2) 192**
 - Mahkamah telah memutuskan bahawa, anak yang dilahirkan selepas lapan bulan perkahwinan (lebih kurang) adalah sah tarafnya kerana ia adalah lebih dari enam bulan dan terdapat bukti berlakunya persetubuhan di antara kedua suami isteri. Mahkamah juga menolak tuntutan bahawa anak itu bukan anak Yang Kena Tuntut kerana beliau tidak terus menafikan anak tersebut selepas anak itu dilahirkan malah penafian hanya dibuat setelah tuntutan nafkah anak itu dibuat.

...Sambungan...

- **kes *Ismail Iwn Kalam* (1995) 10 JH 41**
 - Pihak menuntut telah menceraikan isterinya pada 28 September 1985. Seorang anak telah dilahirkan pada 23 September 1989. Oleh kerana jarak perceraian dengan tarikh anak itu dilahirkan adalah lebih dari empat tahun, Mahkamah memutuskan bahawa anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bekas suami ibu anak tersebut.

...Sambungan...

- **kes *Fatimah binti Abdullah dan Seorang lagi Iwn Mat Zin bin Kassim* (2001) 14 JH (2) 225**
 - Mahkamah telah mensabitkan nasab seorang anak yang dilahirkan oleh ibunya selepas lebih kurang setahun perceraian dengan bapanya.
 - Dalam mensabitkan nasab Zainal Abidin kepada defendan, Mahkamah juga telah mengambil kira bahawa sepanjang perkahwinan mereka selama 39 hari, ada berlakunya persetubuhan di antara plaintif pertama dan defendan sebanyak 5 kali, dan anak itu telah dilahirkan lebih enam bulan dari tarikh persetubuhan tersebut.

...Sambungan...

- Kes Maziah Mathavi (2005) –tidak dilaporkan
 - Pasangan asal beragama Hindu
 - Suami memeluk Islam tanpa pengetahuan isteri
 - Isteri hanya tahu selepas setahun suami memeluk Islam dan waktu itu sedang mengandung 6 bulan
 - Setelah isteri tahu, terus memeluk Islam
 - Isu sama ada pasangan perlu bernikah semula
 - Isu nasab anak tersebut?

Implikasi anak tak sah taraf menurut undang-undang dan hukum Syarak

i) Nasab dan penamaan

Anak tak sah taraf dinasabkan pada ibunya

ii) Nafkah

Segala nafkah adalah tanggungjawab ibunya (S.80 – kecuali anak rogol). Ini kerana anak itu dinasabkan pada ibu dan ia menjadi tanggungjawab ibu.

...Sambungan...

iii) Pusaka

Anak tak sah taraf tidak terputus hubungan dgn ibunya dan kedua-duanya boleh mewarisi antara satu sama lain. Jika ibu meninggal dunia, dia boleh mewarisi harta ibu dan begitu juga sebaliknya.

iv) Perwalian

Hak perwaliannya terserah pada ibu. Jika anak perempuan, maka dlm perkahwinan ia dipegang oleh wali hakim kerana kedudukannya sbg seorang yg tidak mempunyai wali nasab lelaki.

...Sambungan...

v) Perkahwinan

Anak tak sah taraf adalah insan biasa dan dia sebenarnya tidak berdosa. Oleh itu, perkahwinannya adalah sah jika dia menurut syarat-syarat sah pernikahan.

vi) Penjagaan

Dipertanggungjawabkan pada ibu atau saudara mara sebelah ibu. Ini kerana tiada bukti untuk mensabitkan siapa sebenarnya lelaki yang terlibat dalam perbuatan terkutuk itu.

...Sambungan...

vii) Hubungan mahram

Perhubungan anak tak sah taraf dgn ahli keluarga sebelah ibu adalah hubungan kekeluargaan yang satu. Tetapi, ia tidak diperluaskan pada keluarga bapa yang tak sah itu.

viii) Kematian

Kematian anak tak sah taraf yg belum baligh adalah menurut agama ibunya. Jika yg menyetubuhi ibu tersebut ialah lelaki Islam dan ibu tersebut bukan Islam, ia tidak boleh diuruskan mengikut hukum Islam.

Kesimpulan/penutup



- UUKI digubal bagi memelihara nasab dan keturunan umat Islam
- Pertikaian mengenai nasab/kesahtarafan seseorang anak boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah



**SEKIAN
TERIMA KASIH**